



# An-Nasihah

Nasihat Menasihat Dengan Kebenaran dan Kesabaran—Badan Dakwah & Rohani (BADAR)  
Sekolah Agama Menengah Hisamuddin Sungai Bertih, Klang

EDISI 2009, KELUARAN 4

27 MAC 2009 (30 RABI'UL AWWAL 1430)

## KANDUNGAN :

- Elakkan Percampuran Lelaki dan Perempuan
- Keberanian Umar
- Beli Rokok Untuk Bapa?
- Ibu Larang Berpuasa Sunnat?
- Ibu Berperangai Buruk?

### TAQWA-LAH

Nescaya ALLAH akan memberikan jalan keluar kepada masalah yang dihadapi.

Akan diberi rezeki oleh ALLAH dari sumber yang tidak disangka-sangka.

### TAWAKKAL-LAH

Nescaya ALLAH akan mencukupkan keperluan.

## Elakkan Percampuran Lelaki dan Perempuan

Alhamdulillah. Allahumma solli 'ala Muhammad wa 'ala ali Muhammad.

Amma ba'd.

Sepanjang 2 bulan yang lepas, sekolah kita telah diwarnai dengan pelbagai program sekolah. Seronok apabila melihatkan pelajar-pelajar SAMHSB yang sentiasa memberikan komitmen dalam setiap program yang dianjurkan sekolah.

Apatah lagi melihat bakat-bakat yang sangat terserlah lahir dari jiwa-jiwa soleh para pelajar SAMHSB.

Keseronokan itu ditambah lagi dengan kemenangan demi kemenangan dalam beberapa program yang disertai mengalahkan sekolah-sekolah lain. Tahniah semua!

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi ALLAH atas segala pemberiannya. Semoga bakat-bakat yang dikurniakanNYA dapat dimanfaatkan sepenuhnya atas jalan kebaikan pada masa akan datang, insyaALLAH.

Dalam keseronokan berprogram, tatasila kita sebagai seorang muslim hendaklah sentiasa dijaga. Dalam banyak masa dan ketika, para pelajar telah menunjukkan akhlaq yang sangat bagus.

Namun, masih banyak yang perlu diperbaiki. Dan insyaALLAH, keluaran An-Nasihah kali ini akan cuba untuk menyentuh hal percampuran lelaki dan perempuan ataupun dikenali sebagai ikhtilat. Mudah-mudahan ia dapat memperbaiki akhlak

kita agar 'tip-top' seperti yang dikehendaki syara'.

ISLAM amat menitikberatkan hal pergaulan lelaki dan perempuan. Pergaulan sesama lelaki adalah harus. Begitu juga sesama perempuan. Tetapi pergaulan di antara lelaki dan perempuan adalah dilarang, kecuali dalam hal-hal tertentu.

Sheikh Abd. Karim Zaidan dalam kitabnya al-Mufassal Fi al-Ahkam al-Mar'ah yang masyhur menyebutkan contoh-contoh keadaan tersebut. Secara ringkasnya ikhtilat harus kerana darurat dan keperluan sahaja.

Jadi, elakkanlah percampuran lelaki dan perempuan semampu mungkin. Kerana dengan melakukan demikian, hati akan lebih mudah terjaga. Iman akan mudah untuk dimantapkan. Taqwa akan senang untuk dicapai.

(Bersambung ke muka surat 2)

## Keberanian Umar al-Khattab

Diriwayatkan oleh Ibnu 'Asyakir daripada Ali bin Abu Thalib r.a, beliau berkata: "Sejauh yang aku ketahui, tidak ada seorang pun yang berani berhijrah secara terang-terangan kecuali Umar al-Khattab. Sesungguhnya, ketika beliau ingin berangkat untuk berhijrah, beliau pun menyandang pedangnya dan menggantungkan panah di bahunya sambil memegang sebahagian anak panahnya. Kemudian beliau pun pergi ke Ka'bah, sedang para pembesar Quraisy berada di sekelilingnya. Umar mengelilingi Ka'bah sebanyak tujuh kali. Kemudian melaksanakan solat 2 rakaat di depan makam Ibrahim. Kemudian beliau pergi mendatangi orang-orang yang berkumpul di situ satu persatu, dan berkata:

*"Sesiapa yang ingin ibunya kehilangan anaknya, anaknya menjadi yatim dan isterinya menjadi janda, aku persilakan untuk menemuiku di belakang lembah ini."*

Tidak seorang pun yang berani menemui beliau.



**Moral:** Kalau ada antara kalian yang berasa kuat, sasa, gagah, berani dan samseng, contohlah UMAR al-KHATTAB. Beliau menggunakan kekuatan, keperkasaan, kegarangan dan keberanian untuk membela ISLAM, bukan untuk menganiayai sahabat sendiri atau kepada perkara-perkara yang tidak berfaedah. ISLAM memerlukan pemuda2 seumpama UMAR!!

# Elakkan Percampuran Lelaki dan Perempuan

(Dari muka surat 1)

Wahai Pelajar SAMHSB yang dikasihi,

Peluang kalian belajar di sekolah agama seperti SAMHSB ini, manfaatkanlah. Kerana ia merupakan medan tarbiah dalam memupuk sifat mukmin yang bertaqwa.

Di sekolah lain, suasana Islami jarang boleh didapati. Percampuran lelaki dan perempuan berlaku dan tiada siapa pun ambil endah. Malah, aurat tidak pula dijaga dengan sempernata.

InsyaALLAH, dengan suasana Islami yang mewarnai sekolah kita akan memudahkan kalian

untuk mengenali akhlaq Islami seumpama Rasulullah sallAllahu 'alaihi wasallam dengan mudah.

Ketahuilah bahawa syaitan dalam kebanyakan masa telah berputus asa dalam hal-hal besar. Apakah lagi pelajar-pelajar SAMHSB majoritinya faham akan batasan-batasan lelaki dan perempuan. Para syaitan laknatullah sentiasa mencari-cari strategi berkesan untuk merosakkan akhlaq kalian.

Dengan itu, maka syaitan akan cuba untuk menyusup dalam hal-hal yang ringan supaya para pelajar tidak sedar ba-

hawa syaitan sedang cuba mengajak kepada dosa yang lebih besar. Supaya kejahatan dipandang sebagai tidak jahat.

Bermula dengan perbualan biasa, bermula dengan gurau-senda, bermula dengan percampuran barisan semasa membeli di kantin atau gerai jualan, bermula dengan bercampur jantina dalam beraktiviti (contohnya kawad, bersukan, bertelematch) dan sebagainya.

Akhirnya, hilanglah rasa malu antara lelaki dan perempuan. Apabila telah hilang rasa malu dan hormat, maka akan lebih senanglah syaitan masuk berperanan. Berhati-hatilah...

Elakkanlah dari percampuran antara lelaki dan perempuan. Terapkanlah akhlaq Islami seperti yang dikehendaki ALLAH subhanahu wata'ala dengan mencontohi apa yang ditunjukkan oleh Rasulullah sallAllahu 'alaihi wasallam. Mudah-mudahan kalian semua menjadi insan yang soleh dan bertaqwa. WAllahu ta'ala a'lam...

## Beli Rokok Untuk Bapa?

### Soalan:

Saya tahu merokok adalah **HARAM**. Bolehkah saya membeli rokok untuk bapa?

### Jawapan:

Kamu dilarang membeli rokok untuk bapa kamu. Ini kerana terdapat hadith yang menyatakan hal ini, di mana kamu tidak boleh mentaati seseorang yang boleh menjerumuskan diri kamu kepada dosa.

Nasihatilah bapa kamu dengan lemah lembut agar dia meninggalkan tabiat ini. - **Rujuk Fatawa Sheikh Muhammad Soleh al-Munajid**

## Ibu Larang Berpuasa Sunnat?

### Soalan:

Adakah seorang ibu berhak melarang anaknya daripada berpuasa sunnat?

### Jawapan:

Ibu bapa berhak menghalang anak mereka daripada melakukan ibadah sunnat termasuk umrah, puasa dan sebagainya. Terutama jika ibu bapa merasakan perkara sunnat itu boleh membahayakan anak mereka. Tetapi ibu bapa tidak berhak menghalang dalam perkara-perkara wajib. - **Rujuk Fatawa Sheikh Abdul Karim al-Khudair**.

## Ibu Berperangai Buruk?

### Soalan:

Seorang pemuda tinggal dengan ibunya yang telah bercerai dengan bapanya dan tidak lagi beramal dengan Islam. Ibunya melakukan pelbagai jenis maksiat yang boleh menjerumuskan dirinya ke dalam dosa-dosa besar. Sekarang, dia berasa amat bersalah tinggal bersama ibunya dan ingin ibunya kembali ke pangkal jalan. Apakah yang perlu dia lakukan agar ibunya berubah?

### Jawapan:

Pemuda ini amat menderita dengan keadaan yang dihadapinya. Semoga ALLAH menolongnya dan mendorong ke arah jalan hidayah. Sesungguhnya ALLAHlah sebaik-baik penolong.

Kamu harus mengingatkan pemuda itu agar sentiasa memuliakan kedua ibubapanya. Ini adalah tanggungjawabnya. Walau apapun yang berlaku ke atas ibubapanya, dia harus menerima mereka. Seperti firman ALLAH dalam surah Luqman ayat 14-15.

Keadaan seperti itu tidak sesuai dengan pemuda tersebut. Dia inginkan syurga sedangkan ibunya 'mencari' neraka. Jangan biarkan ibunya dalam keadaan begitu. Dia harus terus berusaha untuk mengubah cara hidup ibunya yang penuh dosa dna noda itu.

Berilah peluang untuk ibunya kembali ke jalan kebenaran dengan berdakwah secara berhikmah. Ucapkanlah kebenaran agar hati ibunya terbuka dan meninggalkan segala dosa yang dilakukannya. Ceritakan keampunan yang disediakan ALLAH untuk hamba-hambaNYA yang terlanjur berbuat dosa serta balasan-balasan yang ALLAH akan berikan kepada orang-orang yang sentiasa mengejar dunia.

Jika ibunya tidak dapat menerimanya, jauhilah dirinya dan tinggal berasingan daripada ibunya. Tindakan ini bukan bermaksud untuk meninggalkan ibunya selamanya, tetapi untuk menghalang diri pemuda itu supaya tidak terpengaruh dengan ibunya. Layanlah ibunya dengan baik dan lakukanlah kebaikan padanya.

Kami memohon agar ALLAH mengurniakan kesabaran kepadanya dan memberikan ganjaran di atas segala usaha kerana DIA sebaik-baik Penyokong dan Penolong. - **Rujuk Fatawa Sheikh Muhammad Soleh al-Munajid**.